

I-VCAP dapat 'Lampu Hijau' SC

KUALA LUMPUR 26 Mac - i-VCAP Management Sdn. Bhd. hari ini berkata pihaknya telah mendapat kebenaran daripada Suruhanjaya Sekuriti untuk beroperasi sebagai syarikat pengurusan dana Islam.

Sebagai pengurus kepada Dana Diniagakan di Bursa (ETF) yang mematuhi Syariah pertama di Asia, dikenali sebagai *MyETF Dow Jones Islamic Market Malaysia Titans 25 (MyETF-DJIM25)*, syarikat telah beroperasi di bawah lesen untuk perkhidmatan pengurusan dana am.

Syarikat telah melaksanakan aktiviti pengurusan dana Islam secara eksklusif sejak pe-

nubuhannya pada 2007, katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Zainal Izlan Zainal Abidin berkata, objektif perniagaan syarikat dalam menyediakan perkhidmatan pengurusan dana Islam didorong oleh aspirasinya untuk memenuhi permintaan dalam segmen industri pengurusan dana yang syarikat percaya masih kecil dilaksanakan.

"Ia mencerminkan keyakinan syarikat dalam saiz potensi dan pertumbuhan segmen pengurusan dana yang mematuhi Syariah, di mana i-VCAP berhasrat memainkan peranan penting," katanya.

Zainal Izlan berkata, tumpuan syarikat dalam membangunkan perniagaan pengurusan dana Islam adalah konsisten dengan usaha kerajaan untuk meningkatkan kedudukan Malaysia sebagai pusat kewangan Islam utama.

Sementara itu, syarikat mempunyai rancangan untuk melancarkan tiga atau empat lagi dana yang berlandaskan Syariah bagi menambah kepada dana utamanya, *MyETF-DJIM25*.

MyETF-DJIM25 disenaraikan di Papan Utama Bursa Malaysia Securities pada 31 Januari tahun lepas. Ia kini merupakan ETF Syariah terbesar dunia dari segi nilai aset bersih pada kira-kira AS\$140 juta (RM508.386 juta).